


# BULETIN KOLEJ

## *Kediaman* USIM



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

## USIM... *sepintas lalu*

Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang sekarang dikenali sebagai Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah diluluskan penubuhannya pada 11 Jun 1997 dan diwartakan pada 13 Mac 1998. USIM merupakan sebuah Universiti Islam Malaysia yang pertama ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia di permulaan abad ke-21 dan merupakan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-12 di Negara ini. Pada peringkat awal penubuhannya, KUIM hanya menawarkan program akademik peringkat prasiswazah secara sepenuh masa. KUIM memulakan operasinya pada awal Januari 2000 dengan menggunakan kemudahan sedia ada di Tingkat 5, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Pengambilan pelajar pertama KUIM dilaksanakan pada 18 Jun 2000 di Kampus sementara di Institut Profesional Baitulmal, Kuala Lumpur. KUIM kemudian berpindah ke Kampus Sementara ke-2 di Bangunan MPAJ, Pandan Indah, Selangor. Pada Ogos 2005, KUIM telah berpindah secara berperingkat ke kampus tetapnya iaitu di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan yang merangkumi pihak pentadbiran dan akademik kecuali Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan pada masa ini bertempat di Menara B, Persiaran MPAJ, Pandan Indah, Selangor. Pada 1 Februari 2007, KUIM telah menempa sejarah kerana telah dijenamakan semula kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).



UNIT PERKHIDMATAN DAN PENGINAPAN PELAJAR (U3P) BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA, BANDAR BARU NILAI, 71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN.

Antara yang menarik di dalam:

Antara yang menarik di dalam:

Pena Ketua Editor

..... 2

Sekapur Sirih

..... 3

Kolej-kolej Kediaman

..... 4-5

Aktiviti—aktiviti JAKSA

..... 6-11

Sekilas Pandang Kolej Kediaman

..... 12

Pihak Pengurusan Kolej

Kediaman

..... 13-14

Maklumat Tambahan

..... 15



**Haji Mazlan Nawang**  
Timbalan Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Sains Islam Malaysia

## PENA KETUA EDITOR

Bahagian Hal Ehwal Pelajar sentiasa peka kepada perubahan dan situasi semasa dalam mengadaptasikan perkhidmatan dengan pelanggan, bertepatan dengan misi Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang mengutamakan kepuasan pelanggan dalam setiap perkhidmatan yang disediakan. Kolej Kediaman merupakan salah satu perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak Universiti kepada para pelajar.

Kolej Kediaman memainkan peranan yang cukup penting kepada pembangunan sahsiah dan akademik serta social pelajar. Pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar sedaya upaya memastikan kemudahan di kolej kediaman disediakan sejajar dengan piagam pelanggan Bahagian Hal Ehwal Pelajar iaitu menyediakan prasarana pendidikan dan persekitaran terbaik berasaskan teknologi terkini.

Dengan adanya bulletin ini, dapat dijadikan sebagai salah satu medium penyebaran maklumat terbaik berkenaan aktiviti/program dan kemudahan serta maklumat kakitangan pengurusan kolej kediaman kepada pelajar. Kami juga mengalu-alu kan sebarang komen dan cadangan daripada pembaca yang budiman bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kolej kediaman serta buletin ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat samada secara lansung atau tidak lansung sehingga terbitnya buletin ini.

## SIDANG REDAKSI

Penaung

**Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin**  
Naib Canselor (Tahun 2000-2009)  
Universiti Sains Islam Malaysia

**Y. Bhg. Profesor. Dato' Dr. Muhammad bin Muda**  
Naib Canselor (Sekarang)  
Universiti Sains Islam Malaysia

Penasihat:

**Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohammed Asin Dollah**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Ketua Editor:

**Haji Mazlan Nawang**  
Timbalan Pendaftar Hal Ehwal Pelajar

Editor:

**Mohd Hazrul Fareeza Harun**  
Penolong Pendaftar  
Unit Perkhidmatan dan Penginapan Pelajar

**Majlis Pengetua,**

Pihak Pengurusan Kolej Kediaman

dan

Jawatankuasa Kebajikan Siswa/I Asrama  
(JAKSA 2009/2010)

Serta

Seluruh warga  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan warga  
Universiti Sains Islam Malaysia



# 🌀 Sekapur Sirih 🌀



*Bismillahirrahmannirrahim*

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

Syukur alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya maka buletin ini dapat diterbitkan. Dengan terbitnya buletin ini, diharap ianya dapat memberikan input berkaitan Bahagian Hal Ehwal Pelajar umumnya dan kolej kediaman khususnya terutama dalam pengurusan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti kemahasiswaan.

Pihak Universiti amat mengalu-alu kan program-program pelajar yang membantu dalam pembangunan sahsiah pelajar selain daripada kecemerlangan akademik dalam usaha memperlengkapkan diri agar dapat mewujudkan keseimbangan di antara kedua-duanya.

Pihak Universiti telah menetapkan dasar penginapan pelajar iaitu 70% pelajar tinggal di dalam kolej kediaman dan 30% lagi pelajar tinggal di luar kolej kediaman. Selaras dengan itu, 1 kolej kediaman pertama di dalam kampus telah dibina sedang dalam pembinaan serta dijangkakan dapat beroperasi penghujung tahun 2010. Ini adalah antara usaha pihak Univesiti dalam memastikan kebajikan pelajar sentiasa diutamakan disamping dapat meningkatkan mutu pembelajaran dengan suasana semalat, selesa dan kondusif.

Akhir kalam, saya ingin merakamkan sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat di atas kejayaan menerbitkan buletin kolej kediaman ini.

Sekian, Wassalam.

**PROF. DATO' DR. MOHAMED ASIN DOLLAH**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Universiti Sains Islam Malaysia

## Kolej Kediaman Sutera Indah

Kolej Kediaman Sutera Indah merupakan kolej kediaman yang pada mulanya disewa oleh USIM dengan pihak PKNNS. Kolej kediaman ini terletak di tengah-tengah Bandar Baru Nilai dan berdekatan dengan kemudahan-kemudahan asas lain seperti Masjid dan Pasaraya Giant. Terdapat 145 unit kediaman pelajar yang boleh menampung seramai hampir 950 orang pelajar pada satu-satu masa. Kolej Kediaman ini mempunyai kemudahan-kemudahan untuk kegunaan pelajar seperti berikut:

- i. Bilik Mesyuarat
- ii. Bilik Rekreasi
- iii. Bilik Perbincangan
- iv. Rumah Tamu
- v. Bilik Rehat Pelajar
- vi. Bilik JAKSA
- vii. Bilik Pertemuan Ibubapa



*Yang meninggikan darjat seseorang ialah ahlak dan adabnya, bukan asal keturunannya. (Aristotle)*

Kolej Kediaman ini diketuai oleh Encik Agoos Munalis Tahir, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat dengan dibantu oleh 3 orang kakitangan kolej kediaman.

## Kolej Kediaman Nilam Court

Kolej kediaman ini dapat menampung seramai hampir 1100 orang pelajar dan majoriti pelajar di kolej ini terdiri daripada pelajar perempuan sarjana muda tahun satu. Kolej kediaman ini mempunyai 5 blok yang dikelilingi oleh pagar. Kolej kediaman ini antara kolej yang terbesar serta memuatkan ramai pelajar. Terdapat banyak kemudahan di kolej kediaman ini seperti kafeteria, Gym, bilik rekreasi, bilik perbincangan dan persatuan pelajar. Kolej kediaman ini berjiran dengan kolej kediaman Camelia Court serta berdekatan dengan tasik yang indah.

Buat masa ini, tugas pengetua kolej kediaman Nilam Court dijalankan oleh Puan Rezki Perdani Sawai Pengetua Kolej Kediaman Camelia Court.



*Terdapat banyak kemudahan di kolej kediaman ini seperti kafeteria, Gym, bilik rekreasi, bilik perbincangan dan persatuan pelajar*

## Kolej Kediaman Camelia Court



*Bangunan Pentadbiran dan Kediaman Pelajar Kolej Kediaman Camelia Court*

Kolej Kediaman Camelia Court merupakan kolej kediaman yang menempatkan pelajar Tamhidi dan pelajar antarabangsa sarjana muda. Kolej Kediaman ini merupakan kolej kediaman perempuan. Di kolej kediaman ini juga terdapat satu unit rumah transit khas untuk pelajar antarabangsa sarjana dan PhD yang pertama kali datang ke Malaysia sementara mendapat rumah sendiri.

Kolej kediaman ini mempunyai seramai 800 orang pelajar dan kolej ini dapat menempatkan sehingga 900 orang pelajar pada satu-satu masa. Seperti kolej kediaman lain, kolej kediaman ini juga mempunyai JAKSA dan unit-unit kemudahan pelajar yang lain seperti bilik TV dan bilik rekreasi serta bilik-bilik kemudahan yang lain.

## *Kolej Kediaman Acacia Avenue*



*Kolej Kediaman  
Acacia Avenue Blok C*



*Bilik Mesyuarat Kolej  
Kediaman Acacia Avenue*

Kolej Kediaman Acacia Avenue merupakan kolej kediaman paling bongsu serta termuda kerana baru memulakan operasi dan dibuka pada penghujung tahun 2008. Dengan jarak yang berdekatan dengan Kampus USIM, kolej kediaman ini merupakan kolej kediaman kesukaan dan menjadi rebutan para pelajar.

Kolej kediaman ini dulu pernah menjadi tempat penginapan pelajar Lelaki (1 Blok) dan Pelajar perempuan (2 Blok). Sekarang Kolej kediaman ini merupakan penempatan pelajar perempuan seramai 690 orang. Keutamaan penempatan di kolej kediaman ini diberi serta dibuka kepada pelajar perempuan badan beruniform. Kolej kediaman ini ditadbir oleh seorang Pengetua iaitu Encik Mohammad Tahir Zainuddin, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat. Kolej kediaman ini juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kebajikan Siswi (JAKSA) untuk menjaga kebajikan dan membantu pihak pengurusan kolej kediaman mengadakan aktiviti pelajar.

## *Kolej Kediaman Desa Jati*

Kolej Kediaman Desa Jati merupakan kolej kedua berdekatan dengan kampus induk USIM selepas Kolej Kediaman Acacia Avenue. Kolej kediaman ini boleh menampung 835 orang pelajar pada satu-satu masa dan merupakan kolej kediaman yang ketiga terbesar selepas Kolej Kediaman Nilam Court dan Sutera Indah. Semua penginapan pelajar di kolej kediaman

Selaras dengan itu, setiap pelajar lelaki yang ingin memasuki kolej kediaman ini selepas jam 8 malam perlu membuat permohonan kepada pihak pengurusan kolej kediaman Desa Jati untuk makluman pihak pengurusan dan keselamatan. Kolej kediaman ini diterajui oleh Dr. Norailis Ab Wahab, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat dan dibantu oleh 3



*Blok yang menempatkan  
para pelajar Desa Jati*

## *Kolej Kediaman Pandan-Kampus Cawangan Pandan Indah*

Kolej Kediaman Pandan merupakan kolej kediaman bagi kampus cawangan yang berada di Pandan Indah. Kolej kediaman ini adalah digunakan sebagai penempatan para pelajar Perubatan dan Pergigian yang mana fakulti mereka berada di Pandan Indah.

Kolej Kediaman ini dibahagikan kepada 3 tempat utama iaitu Apartment Pandan Mewah, Apartment Sri Pandan dan Kondominium GlennView yang mana ditadbir oleh seorang Pengetua iaitu Prof. Madya Dr. Burhanudin Busu, Pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta dibantu oleh seorang Penolong Pengurus Asrama, 2 orang Penyelia Asrama dan seorang Pembantu Am Pejabat. Kolej Kediaman Pandan juga mempunyai 2 Asrama klinikal di bawah penyeliaan dan pemantauan pihak kolej kediaman Pandan iaitu Asrama Klinikal Temerloh dan Asrama Klinikal Tampin.



*Kondominium Glennview,  
Kolej Kediaman Pandan*

# MB RASMI MPS SUTERA INDAH

PUTRAJAYA – Jawatankuasa Kebajikan Siswa/I Asrama (JAKSA) Kolej Kediaman Sutera Indah (KKSII) dan Kolej Kediaman Camelia Court (KKCC) telah bekerjasama dalam menjalankan Majlis Malam Perdana Siswa (MPS) bertempat di Putrajaya International Court Centre (PICC) pada 21 Mac 2009. Majlis makan malam tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Y.A.B. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Hassan. Turut hadir pada malam itu, Naib Canselor USIM, Prof Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin beserta pentadbiran USIM.



"Kembali Kepada Fitrah", telah di jadikan sebagai tema pada pada majlis tersebut. Menurut Pengarah Program, Mohd Hafis Mohamad, tema ini menggambarkan kehidupan kita sebagai manusia yang selalu leka dengan keseronokan dunia dan kita perlu sedar mengenai asal usul kejadian kita iaitu daripada tanah.

Antara keunikan yang terdapat dalam majlis tersebut adalah, pelajar KKSII di kehendaki memakai baju Kurta sebagai satu simbolik bagi memberi kelainan pada Majlis MPS 09 berbanding MPS yang terdahulu, manakala pelajar KKCC di kehendaki memakai baju warna merah, hitam dan putih.

Objektif majlis tersebut antaranya ialah untuk menghimpun seluruh penghuni Kolej Kediaman Sutera Indah dan Kolej Kediaman Camelia Court bagi mengeratkan lagi ukhuwah yang telah sedia terjalin di antara penghuni, pihak pengurusan kolej kediaman dan kakitangan tertinggi universiti.

Selain itu, Majlis ini juga adalah merupakan salah satu cara di mana JAKSA Kolej kediaman menganugerahkan penghargaan terhadap kejayaan para bakal graduan USIM yang menetap di Kolej Kediaman dan pada masa yang sama juga untuk meneruskan tradisi di dalam penganjuran majlis makan malam untuk para penghuni Kolej Kediaman di masa hadapan kelak.

MPS 09 juga adalah sebagai platform untuk mahasiswa USIM menimba pengalaman kemahiran insaniah dalam mengurus dan menganjurkan program serta menanam dan memupuk semangat tekun berusaha kepada mahasiswa/i untuk bersama-sama berusaha untuk megikuti jejak mahasiswa/i yang telah berjaya.

Dan yang paling penting ialah untuk membina semangat bekerjasama dalam membina citra USIM dalam pelbagai aspeknya termasuk kepimpinan, sahsiah, rekreasi dan kebudayaan supaya mereka dapat menjadi insan serbaguna di masa akan datang.

Dalam MPS 2009 juga terdapat banyak anugerah yang dipertandingkan, antaranya ialah Anugerah Rumah Terbersih, Anugerah Kepimpinan Terbaik, Anugerah Akademik Terbaik, Anugerah Atlit Sukan Terbaik, Anugerah Khidmat Bakti Sutera, Anugerah Sahsiah Terpuji dan Anugerah Mahasiswa Harapan



*"Program ini tercapai objektif dan diluar jangkauan perlaksanaan"*



*Atas: Pelajar antarabangsa sedang menghiburkan tetamu dengan nyanyian lagu Cina*

# MAJLIS SUAI KENAL KOLEJ KEDIAMAN CAMELLIA COURT MERIAH

NILAI - Jawatankuasa Kebajikan Siswa/siswi Asrama Kolej Kediaman Camellia Court (JAKSA) USIM telah menganjurkan satu Majlis Suai Kenal antara pelajar dengan pihak pengurusan asrama, pengetua, felo serta jawatankuasa kebajikan siswa/siswi asrama kolej kediaman (JAKSA) Kolej Kediaman Camellia Court sesi 09/10 pada 11 Julai 2009.

Objektif majlis ini diadakan adalah untuk mewujudkan hubungan yang erat antara pihak pengurusan asrama dan barisan kepimpinan JAKSA dengan para penghuni kolej kediaman.

Selain itu, majlis ini diadakan bagi melahirkan pelajar yang bergiat secara aktif dalam aktiviti yang dianjurkan oleh JAKSA. Majlis ramah mesra ini juga memberi peluang kepada penghuni KKCC untuk menyuarakan ketidakpuasan hati dan masalah yang dihadapi khususnya di Kolej Kediaman Camellia Court. Majlis ini bermula pada pukul 7.30 malam bertempat di Dataran Nilam Court.

Majlis yang julung kali diadakan ini dihadiri oleh lebih 450 orang mahasiswi yang terdiri daripada mahasiswi Kolej Kediaman Camellia Court. Majlis dimulakan dengan iftar jama'i sempena puasa sunat Rejab oleh pelajar-pelajar dan seterusnya mendirikan solat maghrib dan solat hajat berjemaah sempena permulaan semester baru yang diimkan oleh Ust Izuan iaitu Felo KKCC.

Majlis diteruskan dengan acara pengenalan JAKSA oleh Pengerusi JAKSA sendiri iaitu Farhana bt Abdul Aziz. Sejurus selepas itu, En Rahim bin Zumrah selaku Felo KKCC menyampaikan amanat dan menerangkan tentang tugas-tugasnya sebagai seorang felo.



*Para pelajar sedang mendengar taklimat dengan penuh teliti*



*Pengetua KKCC sedang menyampaikan taklimat berkenaan peraturan kolej kediaman.*

Tidak ketinggalan juga Puan Rezki Perdani Sawai sebagai pengetua K K C C memperkenalkan diri dan menyampaikan ucapan sekaligus membuka dan menjawab semua persoalan yang diutarakan oleh para pelajar terutamanya pelajar Tamhidi. Pelbagai soalan diutarakan oleh para pelajar bagi mendapat kepastian tentang peraturan kolej kediaman yang sebenar. Majlis berakhir pada kira-kira pada pukul 10.45 malam.

# MAJLIS SUAI KENAL 2009/10

## KOLEJ KEDIAMAN NILAM COURT

Sempena kemasukan mahasiswi-mahasiswi bagi sesi 2009/10, pihak Jawatankuasa Kebajikan Siswa/ Kolej Kediaman Nilam Court (JAKSA KKNC) telah menganjurkan 1 program khusus untuk mereka semua iaitu Majlis Suai Kenal. Program ini telah dianjurkan pada 18 & 19 Julai 2009 iaitu pada hari Sabtu dan Ahad. Program ini telah dirasmikan oleh Bekas Pengetua Kolej Kediaman Nilam Court, Puan Roslizawati Bt Mohd Ramly. Diantara aktiviti yang telah dijalankan ialah Taklimat Peraturan Kolej Kediaman, Taklimat Keselamatan Pelajar diluar dan didalam Kolej Kediaman, Taklimat Etika Pakaian, Ceramah Motivasi Diri, Bengkel Pengurusan Kewangan dan Sukaneka. Semua program diadakan di dalam kolej kediaman Nilam Court dan dianjurkan oleh pihak pengurusan kolej kediaman. Kebanyakan pelajar tahun 1 mendapat input mengenai USIM serta mengenai pengajian masing-masing. Program ini juga memberi peluang kepada para pelajar tahun 1 untuk menanyakan sebarang soalan serta kemuskilan berkenaan bidang pengajian

- Menitik beratkan etika keselamatan dan etika pakaian di dalam & diluar kolej kediaman;
- Mengeratkan hubungan silaturahim diantara pelajar2 baru , JAKSA dan Pengurusan kolej kediaman;
- Memberikan peluang kepada para pelajar baru untuk berkongsi pengalaman dengan kakak-kakak Senior sepanjang berada di USIM,dan
- Adalah diharapkan dengan program seperti ini, para pelajar dapat memahami hasrat Universiti serta menjaga Disiplin dan diri selama berada di Universiti Sains Islam Malaysia ini.
- Bagi menunjukkan keprihatinan pihak pengurusan Universiti serta Kolej Kediaman kepada para pelajar baru

Adalah diharapkan dengan program seperti ini, para pelajar dapat memahami hasrat Universiti serta menjaga Disiplin dan diri selama berada di Universiti Sains Islam Malaysia ini.



*Para pelajar tahun 1 mendengar taklimat yang diberikan oleh Pengetua Kolej Kediaman.*



# KALAM SAKAN MEMPERINGKATI KEAGUNGAN ISRA' MIKRAJ



*MANJAP...Barisan penceramah yang berkaliber dan berpengalaman*

Mohd NorFazarez bin Mohd Fauzi, pelajar tahun dua Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) sebagai moderator program tersebut. Program ini khusus untuk semua para pelajar USIM, dalam usaha memperingati kisah Rasulullah pada 27 Rejab yang telah mengalami kejadian yang unik dan ajaib iaitu Isra' Mi'raj," Antara pengisian yang telah diatitkan sempena program ini ialah tayangan perdana peristiwa Isra' Mi'raj dan bacaan Al-Quran dalam bentuk bacaan Qiraat riwayat Qalun yang cukup mempesonakan.

Sementara itu, penggunaan nama tema 'Kalam Sakan' dalam program ini adalah hasil perbincangan Majlis Pengetua-Pengetua yang bersepakat dalam pemilihan nama tersebut. Program tersebut khusus dilaksanakan bagi mengupas kisah dan hikmah disebalik peristiwa besar Isra' Mi'raj yang berlaku pada zaman Rasulullah S.A.W suatu ketika dahulu.

Isi kandungan dan cara penyampaian ahli panel dalam mengupas peristiwa bersejarah Isra' Mi'raj pada zaman kegemilangan Rasulullah S.A.W. amat memuaskan hati para pelajar yang hadir. Ini menyebabkan kebanyakan pelajar hanya pulang selepas program berakhir.

Pihak Biro Pembangunan Insan Kolej Kediaman Camellia Court mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang sudi menyertai program Kalam Sakan Isra' Mi'raj kali ini.

Mereka juga berharap dapat lagi meneruskan usaha dalam menjayakan program-program yang berunsurkan kerohanian dalam membentuk jati diri dalam diri mahasiswa dan mahasiswi USIM pada masa akan datang.



*KUSYUK...Para pelajar sedang mendengar ceramah Isra' Mi'raj.*

NILAI – Seramai hampir 300 orang pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah berpeluang mengikuti program Kalam Sakan Isra' Mi'raj yang bertempat di Dewan Kuliah Pusat Empat (DKP 4) baru-baru ini yang dikhabarkan mendapat sambutan yang cukup menggalakkan. Program tersebut yang dianjurkan oleh Biro Pembangunan Insan Kolej Kediaman Camellia Court bermula pada jam lapan setengah malam dan berakhir pada jam 10.30 malam.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh dua orang ahli panel terdiri daripada Ustaz Abdullah bin Jalil dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Ustaz Mohd Izhar bin Mohd Arif dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta

# SUTERA INDAH MENYAHUT CABARAN ETNOGRAFI ASLIAN



## *MANJAP...Barisan penceramah yang berkaliber dan berpengalaman*

pengalaman dengan pelbagai program yang dijalankan selama 3 hari dua malam, antaranya aktiviti akademik, kursus keterampilan diri, sesi ziarah, Jungle Trekking, motivasi dan perlawanan bola persahabatan.

Acara kemuncak program ini dapat dilihat pada malam Gema Budaya yang mana kombinasi dua budaya pada malam tersebut yang menampilkan persembahan penduduk kampung dan persembahan dari Unit Kebudayaan USIM.

Antara persembahan yang di persembahkan adalah: Nasyid dan Puisi Patriotik yang disampaikan oleh para pelajar USIM manakala penduduk Kampung tidak ketinggalan dalam mempersembahkan tarian kong-kong di samping lagu pengilan yang merupakan lagu tradisi dalam masyarakat orang asli.

Acara pada malam tersebut dirasmikan oleh Yg. Bhg. Prof. Dato' Dr. Asin b. Dollah, Timbalan Naib Canselor HEP & ALUMNI selain turut dihadiri dif-dif kehormat daripada wakil Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Negeri Sembilan/Melaka. Pusat Dakwah Islamiyah Negeri Sembilan, Tok Batin, Pengerusi JKKK, dan Pengetua Kolej Kediaman Sutera Indah(KKSI).

Program C-VIS 09 merupakan anjuran JAKSA KKSI. Program ini juga turut mendapat kerjasama daripada JHEOA dan Pusat Dakwah Islamiyah Negeri Sembilan. Program ini telah berlangsung selama 3 hari 2 malam yang melibatkan pelajar seramai 80 orang yang terdiri daripada 40 mahasiswa lelaki dan 40 mahasiswa wanita kolej kediaman.



*Mereka memerlukan bimbingan supaya tidak kecikiran dalam pendidikan.*



*Kenangan sesi ziarah penduduk.*

# REHLAH TAUTAN MAHABBAH '09 MERAPATKAN HUBUNGAN STAF DAN PELAJAR

Port Dickson- Jawatankuasa Kebajikan Siswa / I Asrama Kolej Kediaman Acacia Avenue telah mengadakan Program yang berbentuk sukaneka dan santai iaitu Proram Tautan Mahabbah '09. Seramai 12 orang JAKSA , 13 AJK JAKSA dan 13 orang Staf yang menyertai program ini.

Objektif program tersebut adalah bertujuan untuk merapatkan hubungan diantara pelajar dengan Staf Pengurusan Asrama. Selain itu, program ini juga diadakan untuk meraikan Majlis perpisahan dengan Felo Kolej Kediaman Acacia Avenue, En. Idzuafi Hadi B Kamilan.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah baling belon air, lari dalam guni, berlari ikat kaki berpasangan, makan buah epal, dan cari gula-gula dalam tepung. Tidak ketinggalan juga, Staf turut menyertai pertandingan bersama pelajar. Antara Staf yang turun padang menyertai pertandingan tersebut adalah En. Ridwan Lau, Felo Kolej Kediaman Acacia Avenue dan Staf – staf Pengurusan Asrama Cik Siti Norain Abd. Malik.

Maklum balas daripada semua peserta adalah mengalakkan, malah mereka terutamanya pelajar terpancar perasaan ceria dan gembira di wajah mereka. Program tersebut berakhir dengan sesi penyampaian hadiah kepada pemenang.



*Antara gelagat peserta.*



*Antara peserta yang menyertai Program.*

# SEKILAS PANDANG KOLEJ KEDIAMAN



"Bahagia seseorang manusia tidak terletak pada penilaian orang lain, duka seseorang manusia tak sama dirasai orang lain, tetapi bahagia yang hakiki adalah ketaqwaan yang semua manusia patut miliki."

Jika anda mempunyai sebarang komen/cadangan/ulasan mengenai perkhidmatan kami, sila maklumkan kepada pihak kami untuk tindakan penambahbaikan. Terima kasih.

Komen/Cadangan/Ulasan

Unit perkhidmatan dan penginapan pelajar (U3P)  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

Tel: 06-798 6167 / 6168 Fax: 06-798 6154 / 6155 E-mail: [hazrul@usim.edu.my](mailto:hazrul@usim.edu.my)

# KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN SUTERA INDAH

Pengetua: Encik Agoos Munalis Tahir

Penolong Pengurus Asrama: Cik Azleen Abd Aziz

Penyelia Asrama: Encik Mohd Khairi Md. Azali

Pembantu Am Pejabat: Encik Tajul Ariffin Sulaiman

Pejabat Pengurusan  
Kolej Kediaman Sutera Indah  
B-08, Jalan BBN 1/3,  
Putra Point Fasa 2  
71800 Nilai, Negeri Sembilan  
Tel: 06-850 1467 Faks: 06-850 1457



# KOLEJ KEDIAMAN NILAM COURT

Pengetua: -None-

Penolong Pengurus Asrama: Encik Shahidul Hakim Saman

Penyelia Asrama: Pn. Annie Salwany Baharul Saffar

Pembantu Am Pejabat: Encik Norazmil Md. Isa

Pejabat Pengurusan  
Kolej Kediaman Nilam Court  
Jalan Nilam 4/9,  
Fasa 5A, Taman Nilai Utama,  
Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan  
Tel: 06-799 3850 Faks: 06-799 3851

# KOLEJ KEDIAMAN CAMELIA COURT



Pengetua: Pn. Rezki Perdani Sawai

Penolong Pengurus Asrama: Cik Hidayah Mudasir

Penyelia Asrama: Pn. Siti Zaleha Marzuki

Pembantu Am Pejabat: Encik Azqar Zakaria

Pejabat Pengurusan  
Kolej Kediaman Camelia Court  
B-9-G-6, Camelia Court Apartment  
Jalan Nilai 4/9, Taman Nilai Utama  
71800 Nilai, Negeri Sembilan  
Tel: 06-799 2634 Faks: 06-799 8352

# KOLEJ KEDIAMAN ACACIA AVENUE

Pengetua: Encik Mohamad Tahir Zainudin  
Penolong Pengurus Asrama Kanan: Puan Azlin Mahmud  
Penyelia Asrama: Siti Norain Abd. Malik  
Pembantu Am Pejabat: Encik Noorhaizam Norzati

Pejabat Pengurusan  
Kolej Kediaman Acacia Avenue  
Blok B-10-1-1, Persiaran Perdana BBN  
Taman Desa Jati,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan  
Tel: 06-799 3850 Faks: 06-799 3851



# KOLEJ KEDIAMAN DESA JATI

Pengetua: Dr. Norailis Ab Wahab  
Penolong Pengurus Asrama: Cik Rohaida Edros@Mohamed  
Penyelia Asrama: Cik Noraisah Othman  
Pembantu Am Pejabat: Encik Zohar Zafarullah Zukhaidi

Pejabat Pengurusan  
Kolej Kediaman Desa Jati  
A-G-15, Desa Jati Apartment,  
Phase 1, Jalan Jati 1,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan  
Tel: 06-759 5940 Faks: 06-759 5940



*“Sebarang masalah berkaitan penginapan dan aktiviti di kolej kediaman boleh merujuk terus kepada Pengetua Kolej Kediaman”*

# KOLEJ KEDIAMAN PANDAN

Pengetua: Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Burhanuddin Busu  
Penolong Pengurus Asrama: Pn. Tengku Azwani Tengku Azmi  
Penyelia Asrama 1: Encik Zulkiflee Abd Razak  
Penyelia Asrama 2: Encik Nazrul Hisyam So'ib  
Pembantu Am Pejabat: Encik Mohd Afisham Mohd Amin

Pejabat Pengurusan  
Kolej Kediaman Pandan Sundry Shop, Blok Am,  
Taman 1, Glenn View Villa Apartment  
Jalan 49, Off Jalan Kuari  
Taman Pinggiran Cheras,  
56100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-4297 2895 Faks: 03-4296 7505

*Tidak ada manusia yang hidup untuk gagal, tetapi tidak merancang adalah*



# UCAPAN PENGHARGAAN


Terima kasih dan setinggi penghargaan diucapkan kepada 2 orang bekas pengetua kolej Kediaman USIM yang telah menamatkan perkhidmatan sebagai Pengetua Kolej Kediaman USIM. Dua orang mantan pengetua tersebut ialah

1. Pn. Roslizawati Mohd Ramly—Kolej Kediaman Nilam Court (KKNC)
2. Pn. Nabilah Yusof—Kolej Kediaman Desa Jati (KGDJ)

Pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengucapkan jutaan terima kasih di atas jasa bakti dan perkhidmatan yang telah diberikan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar umumnya dan para pelajar r khususnya sepanjang menjadi Pengetua Kolej Kediaman USIM.



Pembinaan Kolej Kediaman 1 yang berada di dalam kampus USIM sedang dijalankan dan dijangka akan siap pada penghujung tahun 2010. Apabila siap kelak, kolej kediaman ini dijangka mampu memuatkan sehingga 1000 orang pelajar pada satu-satu masa. Kolej Kediaman ini mempunyai 5 blok penginapan pelajar, ruang makan, surau, kemudahan sukan dan sebagainya. Kolej kediaman ini merupakan kolej kediaman pertama USIM yang berada di dalam kampus. Kolej Kediaman ini adalah mesra Orang Kurang Upaya (OKU) kerana memiliki ruang seperti tandas dan bilik khas untuk golongan OKU tersebut.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan.  
Tel: 06-798 6167 / 6168  
Fax: 06-798 6154 / 6155  
E-mail: hazrul@usim.edu.my  
Laman Web: <http://hep.usim.edu.m>



Tahniah diucapkan kepada Encik Zohar Zafarullah Zukhaidi Kakitangan Kolej Kediaman Desa Jati kerana telah selamat diijabkabulkan pada 28 Februari 2009 dengan gadis pilihan hati Norlizawati Binti Mustafa



**Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru, Nilai  
71800, Nilai  
Negeri Sembilan, Darul Khusus**

[www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)